

Gagal patuhi SOP, lesen eksport bauksit dibeku

UM.
12/1/2016 ms. 6

HULU TERENGGANU 11 Jan. - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak teragak-agak membekukan lesen eksport bauksit jika prosedur operasi standard (SOP) gagal dipatuhi selepas tamat tempoh moratorium ke atas semua aktiviti perlombongan bauksit di Pahang selama tiga bulan bermula 15 Januari ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, tindakan seumpama itu merupakan jaminan kerajaan kepada rakyat khususnya yang terjejas akibat aktiviti perlombongan bahan mineral tersebut di Kuantan, Pahang.

Beliau bagaimanapun menegaskan, tindakan itu juga bergantung kepada penguatkuasaan pelbagai jabatan lain termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan sebagainya.

“Kementerian Sumber Asli dan

Alam Sekitar hanya terlibat dari segi keluaran permit atau lesen eksport bahan mineral (bauksit) dan juga lesen melombong menerusi Jabatan Mineral dan Geosains, hanya dua bidang saja di bawah kementerian saya.

“Antara perkara (SOP) yang akan kita tengok nanti adalah pihak kementerian (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar) boleh sampai tahap tidak akan keluaran lesen eksport bauksit ke luar negara. Maknanya, apabila tak dieksport, tak ada pengeluaran lah. Sampai ke tahap itu (tindakan) dan itu antara jaminan yang boleh kita beri kepada rakyat,” katanya.

Beliau menyatakan perkara itu ketika ditemui pemberita selepas mendengar taklimat banjir oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu, Ir. C. Poobalan sempena lawatan beliau ke pusat pemindahan banjir Kampung

Bukit Tadok dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Datuk Jailani Johari dan Exco kerajaan negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telemong, Datuk Rozi Mamat.

Hamim menjelaskan, sebelum ini kerajaan telah mengumumkan tempoh moratorium selama tiga bulan yang mana bulan pertama menjerus kepada larangan menjalankan sebarang aktiviti perlombongan bauksit termasuk pengangkutan dan eksport bahan itu.

Bagi bulan kedua, katanya, melibatkan kerja pembersihan stok simpanan bauksit yang terdapat di pelabuhan manakala bulan ketiga pula mengkehendaki supaya semua stok simpanan bahan tersebut di luar pelabuhan dibersihkan.

“Maknanya selepas tamat tempoh tiga bulan itu, semua aktiviti per-

lombongan termasuk eksport akan menggunakan SOP baharu di mana sekarang ini, aktiviti pengeluaran bauksit masih dijalankan sehingga 15 Januari atau Jumaat ini,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, beliau menarik perhatian bahawa kementerianya telah mengenal pasti lima batang sungai utama di negeri ini yang akan dinaik taraf membabitkan peruntukan berjumlah RM92 juta bagi menangani masalah banjir.

Menurutnya, kesemua sungai itu, tidak termasuk di Kemaman dikenal pasti berisiko mengakibatkan banjir di kawasan-kawasan rendah di sekitarnya.

“Mengikut perancangan, JPS juga memerlukan sekurang-kurangnya RM13 juta untuk melencongkan air Sungai Telemong ke Sungai Cepuh bagi mengelak limpahan Sungai Telemong sepanjang 72 kilometer,” katanya.



HAMIM SAMURI (dua dari kiri) sambil diiringi **Jailani Johari** (kiri) dan **Rozi Mamat** memperkatakan sesuatu kepada **C. Poobalan** (kanan) ketika melihat peta lokasi banjir sewaktu lawatan ke tempat pemindahan banjir dan mendengar taklimat ringkas mengenai kawasan banjir Parlimen Telemong di Kampung Bukit Tadok, Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH